



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KPKT KOMITED MEMPERKASAKAN AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI
MELALUI PELANCARAN PELAN INDUK LANDSKAP DAERAH MARAN**



Pada 27 Ogos 2022—Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pelan Induk Landskap Daerah Maran anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berlangsung di Arena Y.A.M Tengku Muda Pahang pada petang ini.

Majlis pelancaran ini turut dihadiri oleh Berbahagia Dato' Sharuddin bin Jali, Pegawai Daerah Maran merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Maran, Yang Berusaha Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Yang Berusaha Tuan Kamaruzaman bin Umar, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Persekutuan dan Negeri.

KPKT menerusi Jabatan Landskap Negara (JLN) komited untuk memelihara dan mendidik masyarakat untuk mencintai dan menghargai landskap agar pembangunan yang seimbang dan harmoni dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sejajar dengan teras Dasar Landskap Negara. Selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan bagi merealisasikan aspirasi negara Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia, salah satu fokus utama pelaksanaannya adalah untuk mengutamakan Pembangunan Bandar Hijau dan Berdaya Tahan.

Penekanan aspek kesejahteraan dan kemakmuran rakyat melalui pengekalan persekitaran hijau dan penyediaan ruang-ruang landskap yang berkualiti dan berfungsi merupakan salah satu strategi yang sangat penting dalam merealisasikan aspirasi negara tersebut. Menurut YB. Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Pelancaran Pelan Induk Landskap ini menggariskan dua hala tuju landskap Majlis Daerah Maran bagi tempoh 10 tahun untuk pembangunan landskap di negeri Pahang. Dua tindakan hala tuju tersebut adalah melindungi aset landskap negara dan mendaya upaya potensi dan nilai ekonomi industri landskap.

Melalui penyediaan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Maran ini juga, Kerajaan berhasrat agar pembangunan Daerah Maran akan memberikan impak positif kepada pengekalan identiti setempat, menaiktaraf imej bandar Maran, pusat bandar Jengka serta kawasan pembangunan Felda di sekitarnya. Seterusnya ini menjadikan Maran sebagai sebuah daerah yang ikonik, maju dan berdaya saing dengan mengalakkan pertumbuhan ekonomi setempat yang berasaskan pertanian dan eko-pelancongan bagi faedah generasi akan datang.

Dalam menjayakan misi nasional iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, prinsip keseimbangan antara pembangunan fizikal negara dengan pemuliharaan alam sekitar perlu diberi perhatian di dalam menjamin masa depan generasi akan datang.

KPKT akan terus memberikan komitmen penuh bagi menjayakan agenda dan focus KPKT iaitu "Liveable Malaysia" atau Malaysia Berdaya Huni melalui pembangunan landskap dan taman awam yang memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada Keluarga Malaysia.